

10 JAN 2003

TARIKH PELANCARAN TMPS DITUNDA BUKAN KERANA TIADA PERSEDIAAN

KANGAR, 10 Jan (Bernama) -- Pelancaran Tahun Melawat Perlis (TMPS) 2003-2005 terpaksa ditunda dari Disember lalu kepada Mac ini kerana para pemimpin negara sibuk dengan pelbagai urusan dan mungkin tidak dapat menghadirinya.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Datuk Abu Bakar Ismail hari ini menjelaskan kepada Bernama di sini, hari ini, orang ramai tidak harus bertanggapan salah bahawa pelancaran itu ditangguhkan kerana persediaan tidak mencukupi dan ia mencerminkan kelemahan Kerajaan Negeri.

Abu Bakar berkata, pelancaran itu sebenarnya dijadualkan pada 15 Dis lalu tetapi atas sebab-sebab tertentu ia ditunda kepada 22 Disember lalu.

Bagaimanapun, pada tarikh berkenaan kebanyakan para pemimpin negara yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri mesyuarat bersama para pemimpin Thailand di Haadyai, sebuah bandar pelancongan di selatan negara gajah putih itu.

Menurut beliau lagi, persediaan bagi majlis pelancaran itu sudahpun siap awal bulan lalu dan kini penganjur sedang mengenal pasti tarikh yang sesuai pada Mac ini untuk pelancaran berkenaan.

Abu Bakar berkata, Kerajaan Negeri kini sedang bertungkus lumus menjayakan promosi Tahun Melawat Perlis dengan kerjasama pelbagai pihak.

-- BERNAMA

AD PR